

Thailand sekali lagi tolak permintaan Malaysia untuk soal Justo
The Malaysian Insider
July 24, 2015

Pihak berkuasa Thailand sekali lagi menolak permintaan polis Malaysia untuk menyoal bekas Pengarah PetroSaudi International (PSI) Xavier Andre Justo atas dakwaan menawarkan untuk menjual maklumat rahsia berkaitan syarikat sarat hutang 1Malaysia Development Bhd (1MDB), lapor Bangkok Post.

Sebaliknya, Ketua Polis Thailand Somyot Poompunmuang berkata, Justo bukan warganegara Malaysia dan menasihatkan rakan sejawatannya, Tan Sri Khalid Abu Bakar menggunakan saluran yang betul, termasuk Kementerian Luar.

Thailand sebelum ini menolak permohonan sama oleh Bukit Aman pada 16 Julai.

Bangkok Post juga melaporkan para diplomat dan polis Malaysia berjumpa Somyot semalam.

Laporan itu berkata pada mesyuarat itu, diplomat dan polis dari Kedutaan Malaysia di Bangkok bertemu Somyot dan bertanya jika mereka boleh bertemu dan merekodkan kenyataan daripada Justo.

Ia sebelum ini melaporkan Khalid adalah sebahagian daripada delegasi Malaysia.

Reman Justo adalah sehingga 15 Ogos.

Polis Thailand menahan Justo pada 22 Jun atas tuduhan memeras ugut PSI, sebuah syarikat antarabangsa yang berpusat di Arab Saudi yang dikaitkan dengan kontroversi 1MDB.

Khalid berkata, polis akan memanggil semua individu yang bertemu Justo di Singapura untuk memberi kenyataan mereka, berikutan pendedahan polis Thailand yang Justo bertemu dengan pemimpin "sangat penting" pembangkang Malaysia di republik itu.

Khalid juga berkata polis sudah mengenal pasti pemimpin pembangkang yang didakwa bertemu Justo tetapi masih belum mengenal pasti beliau.

Kritikan menghujani 1MDB yang mencatatkan hutang sehingga RM42 bilion dalam tempoh 6 tahun.

Ia semakin hebat selepas pendedahan laman pemberi maklumat Sarawak Report baru-baru ini, yang memberi tekanan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan mendorong ahli-ahli politik pembangkang, bekas dan pemimpin Umno serta badan-badan anti-rasuah menuntut siasatan menyeluruh terhadap dana itu. – 24 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/thailand-sekali-lagi-tolak-permintaan-malaysia-untuk-soal-justo>